




# Tajuk: VB: Pengenalan menarik kepada PdP kuliah Sejarah China Moden



UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



## ABSTRAK

Sejarah China Moden merupakan tema utama dalam kursus Sejarah HSL333: Isu-Isu Terpilih dalam Sejarah Asia. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah China Moden melibatkan bukan sahaja peristiwa yang kompleks dari dalam China dan luar negara, tetapi juga ramai tokoh tempatan dan antarabangsa. Hal ini merumitkan pelajar untuk mempelajari perkembangan dan kesan sejarahnya. Sungguhpun demikian, ada pelbagai filem, drama bersiri dan dokumentari yang memaparkan perkembangan zaman itu. Adalah didapati juga sebahagian video lagu pembukaan kepada filem dan drama bersiri merumuskan keadaan sejarah dengan agak menarik dan senang diingat. Tambahan pula, dokumentari zaman itu ada yang berjaya masukkan keadaan sebenar masa itu. Tidak ketinggalan pula, berita yang melibatkan China sering kali dikaitkan dengan Sejarah China Moden. Maka, pelbagai video tersebut, yakni filem, drama bersiri, dokumentari, berita dan video lagu pembukaan kepada filem dan drama bersiri dapat digunakan. Ia dapat digunakan secara langsung atau disunting menjadi bahan sokongan PdP bergelar **VB** iaitu ringkasan kepada "Video Buka".

**VB** telah berfungsi sebagai pengenalan atau pembuka unik lagi menarik kepada setiap sesi kuliah Sejarah China Moden. **VB** juga dilihat sebagai "Visi Buka" atau "*Vision Broaden*" kerana dapat membuka visi dan minda pelajar tentang Sejarah China Moden. Perancangan ialah untuk muat naik **VB** dalam Google Sites untuk pelajar kemudian boleh rujuk kembali. Sebenarnya, fokus pelajar hari ini ialah pada beberapa minit permulaan kursus. Pendekatan **VB** berdasarkan konsep ini menggunakan video ringkas yang selalu dapat menarik perhatian pelajar untuk mereka senang ingat dan fikir sebelum memasuki isi PdP kuliah. Akhirnya, minat dan ingatan pelajar tentang Sejarah China Moden ditingkatkan.

## OBJEKTIF

- Berfungsi sebagai pengenalan atau pembuka unik lagi menarik kepada setiap sesi kuliah Sejarah China Moden.
- Membuka visi dan minda pelajar tentang Sejarah China Moden.
- Memperbaiki PdP Sejarah China Moden dengan menarik perhatian pelajar untuk senang ingat dan fikir sebelum memasuki isi PdP kuliah.
- Meningkatkan minat dan ingatan pelajar tentang Sejarah China Moden.



Dr. Tan Chee Seng  
Bahagian Sejarah,

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM

Dr. Tan Chee Seng merupakan pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau berkelulusan PhD dalam Pengajian Cina (Sejarah China), National University of Singapore (NUS), MA (Sejarah Asia Tenggara) dan BA daripada USM. Bidang kajian beliau ialah Sejarah China Moden dan Sejarah Orang Cina Seberang Laut.



## NILAI TAMBAH

- Mempelajari cara mengenalpasti filem, drama bersiri, dokumentari, berita dan video lagu pembukaan kepada filem dan drama bersiri berkaitan Sejarah China Moden yang mendekati sejarah yang objektif.
- Mempelajari teknik PdP Sejarah China Moden yang menarik dan berkesan.
- Mengetahui dan boleh mempelajari teknik penghasilan filem, drama bersiri dan dokumentari terutamanya yang dihasilkan di China.



## KEBOLEHGUNAAN

- PdP Sejarah China Moden yang disampaikan dalam Bahasa Malaysia selain memperbaiki dan menjadikannya berkesan lagi menarik.
- Secara tidak langsung mempelajari teknik penghasilan filem, drama bersiri dan dokumentari terutamanya yang dihasilkan di China.



## POTENSI KOMERSIAL

- Dalam negara: kursus atau bengkel cara **VB** untuk pengajar dan pelajar, dari peringkat sekolah rendah ke universiti.
- Luar negara: memperkenalkan cara **VB** dalam pertandingan dan bengkel PdP luar negara dengan caranya dapat diperluas ke kuliah Sejarah China Moden yang disampaikan dalam Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris.

VB 1

- Pemilihan filem, drama bersiri, dokumentari, berita dan video lagu pembukaan kepada filem dan drama bersiri berkaitan Sejarah China Moden yang mendekati sejarah yang objektif daripada pelbagai saluran seperti YouTube untuk menjadi **VB**.

VB 2

- VB** tersebut sama ada diambil terus atau akan disunting untuk pastikan tempoh tayangannya tidak melebihi 5 minit.

VB 3

- VB** tersebut ditayangkan pada permulaan kuliah dan diberi penjelasan video dan bagaimana dapat dikaitkan dengan tajuk dan isi kuliah yang akan diberikan.



## PENGAKTIRAFAN

Dr. Tan Chee Seng pernah memenangi 3 anugerah dalam pertandingan inovasi PdP di peringkat USM dan kebangsaan seperti berikut:

- 2019: Bronze Award, International Innovation in Teaching and Learning 2019 (i-InTel2019) oleh Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah [Tajuk: Strategi XDV Memperbaiki Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) Sejarah].
- 2019: Silver Award, International Summit of Innovation & Design Exposition 2019 (Inside 2019) oleh Curriculum & Instructional Technology Department, University of Malaya [Tajuk: Kerangka Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) XDV Memperbaiki P & P Sejarah].
- 2018: Silver Medal, Innovations in Teaching and Learning Competition (ITLC) oleh CDAE USM [Tajuk: Strategi XDV Memperbaiki P & P Sejarah]